

Laporan audit: Saksi seperti diugut Najib

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Rakan Kongsi Urusan KPMG, Datuk Johan Idris merasakan dirinya bagai 'diugut' bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak agar firma audit itu menandatangani laporan audit penyata kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi tahun 2013.

Walaupun perkara tersebut tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat pertemuan yang diadakan di kediaman Ahli Parlimen Pekan itu pada malam 15 Disember 2013, namun, Johan memberitahu, beliau merasakan sedemikian apabila terus ditekan agar laporan audit kewangan 1MDB bagi tahun 2013 ditandatangani.

Pertemuan bersama Najib ketika itu mengambil masa 45 minit dan hanya Johan dibenarkan masuk ke kediaman itu manakala kaki-tangan firma audit lain terpaksa menunggu di luar.

Turut bersama Johan pada sesi tersebut ialah bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 1MDB, Azmi Tahir dan bekas Penarah 1MDB, Tan Sri Che Lodin Wok Kamaruddin.

Saksi pendakwaan ke-14 itu berkata demikian ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya adhoc, Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Sri Ram: Sebelum ini (sewaktu pemeriksaan balas) awak diminta mengesahkan bahawa minit mesyuarat tidak menunjukkan terdapatnya tekanan daripada tertuduh (Najib) dan

awak jawab ya, minit mesyuarat tidak menunjukkan sedemikian. Soalan saya, sebagai individu yang berada di mesyuarat tersebut, adakah terdapat sebarang tekanan pada awak?

Johan: Saya anggap ia sebagai ugutan.

Sri Ram: Ugut untuk apa?

Johan: Untuk membuat kesimpulan dan menandatangani laporan audit penyata kewangan bertarikh 31 Mac 2013 1MDB.

Sri Ram: Ugutan daripada siapa?

Johan: Datuk Seri Najib.

Sebaik saksi berkata demikian, peguam, Wan Aizuddin Wan Mohamed yang mewakili Najib membantah tindakan saksi menggunakan perkataan ugut kerana perkataan terbabit tidak pernah timbul ketika sesi soal balas.

M a h k a m a h bagaimanapun memerintahkan pihak pembelaan agar menyentuh mengenai perkara tersebut dalam hujahan di akhir kes.

Najib, 68, sedang dibicarakan atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan yang didengar Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.

**NAJIB
RAZAK**

